

# Mahathir mahu industri membuat bot ditingkat kerana menguntungkan

SHAH ALAM 2 Julai — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu industri pembuatan bot di negara ini ditingkatkan kerana ia mempunyai potensi untuk menjadi satu industri yang menguntungkan.

Kata beliau, industri tersebut juga boleh dijadikan asas untuk menarik kedatangan pelancong.

Dr. Mahathir menambah, industri bot boleh dimajukan kerana negara ini mempunyai banyak pulau yang menarik dan tempat-tempat peranginan yang bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, di samping itu pertunjukan-pertunjukan air dan bot perlu diadakan secara lebih aktif.

"Kita lebih suka sekiranya para pengusaha industri bot membina bot-bot secara komersial tetapi masih mampu dibeli oleh orang ramai," kata-

nya ketika ditemui selepas melawat Pertunjukan Bot Malaysia Ke-2 di Taman Tasik Shah Alam di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau puas hati dengan pertunjukan yang diadakan itu kerana ia mempamerkan berbagai-bagai jenis bot tetapi mahu pada masa akan datang pihak penganjur turut mempamerkan bot-bot kos rendah agar ia menarik minat golongan pertengahan dan sederhana.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan khusus untuk mengawal industri bot beliau berkata, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

"Kerajaan tidak bercadang untuk membuat undang-undang terhadap semua industri berkenaan dan mahu mereka yang terlibat mengenakan peraturan tertentu," tegasnya.

Beliau dan isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd' Ali menghabiskan masa selama dua jam melawat kawasan pameran itu.

Beliau juga dibawa menaiki beberapa bot moden sempena lawatan tersebut.

Pengerusi jawatankuasa pameran, Tan Sri Abdul Wahab Nawawi memberi taklimat mengenai pertunjukan itu.

Sebanyak 62 bot iaitu dari perahu kecil yang berharga \$1,000 sehinggalah ke bot-bot mewah yang berharga beratus-ratus ribu ringgit melibatkan penyertaan dari 11 buah negara dipamerkan selama lima hari mulai semalam.

Pertunjukan itu dibuka mulai pukul 11 pagi hingga 8 malam.

Selain bot-bot moden, sebuah bot tradisional 'Petawati' koleksi Raja Muda Selangor turut dipamerkan.